

RM42.6 juta basmi kemiskinan

BH 14/6/12 ANJ 26

Kerajaan Terengganu letak sasaran sifar miskin tegar menjelang 2013

Oleh Baharom Bakar
bhkt@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Itizam kukuh dan langkah yang disusun kerajaan Barisan Nasional (BN) menerusi agensinya Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meletakkan Terengganu paling ke depan dalam usaha pembasmian kemiskinan di negara ini.

Berdasarkan perangkaan data kemiskinan nasional (eKasih), daripada 43,679 warga Terengganu yang dikategorikan miskin tegar, miskin dan mudah miskin, kerajaan negeri berjaya mengeluarkan seramai 14,448 orang daripada belunggu kemiskinan, sekali gus menjadikannya negeri paling aktif melaksanakan usaha berkenaan.

Antara program dilaksanakan kerajaan negeri bagi mengeluarkan penduduk miskin daripada terus berada di bawah paras kemiskinan ialah sentiasa mengemaskini data peserta eKasih, selain melaksanakan bantuan serta mengemas kini impak projek dan bantuan sosio ekonomi.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Masyarakat



Bagi mencapai matlamat itu, kerajaan negeri akan menerus serta memperhebat Program Bantuan Rumah, peningkatan pendapatan, Latihan Kemahiran & Kerjaya serta Pogram Jaya Diri

Yahya Khatib Mohamad
EXCO Terengganu

dan Wanita negeri (EXCO), Datuk Yahya Khatib Mohamad, berkata sehingga Jun lalu, penduduk negeri ini yang masih dikategorikan miskin tegar ialah seramai 1,034, miskin (7,960) serta mudah miskin seramai 20,237.

Namun, katanya, menerusi usaha berterusan kerajaan dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk YPKT, seramai 14,448 daripada mereka berjaya dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan.

Beliau berkata, kerajaan negeri di bawah kepemimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said meletakkan sasaran sifar miskin tegar dan menurunkan kadar kemiskinan kepada satu peratus menjelang 2013 menerusi peruntukan RM42.6 juta bagi program pembasmian kemiskinan, pembangunan kampung dan masyarakat.

"Bagi mencapai matlamat itu, kerajaan negeri akan menerus serta memperhebat Program Bantuan Rumah, peningkatan pendapatan, Latihan Kemahiran & Kerjaya serta Pogram Jaya Diri (PJD).

"Atas usaha berterusan dilakukan, Terengganu berjaya mencapai sasaran sifar miskin tegar dan kurang 2.8 peratus miskin pada akhir tahun lalu hasil pelaksanaan pel-

bagai program membasmi kemiskinan yang dirumus.

"Sejak 2004 sehingga akhir tahun lalu, jumlah penduduk miskin berjaya dikurangkan apabila daripada kedudukan ketiga sebagai negeri termiskin seluruh Malaysia, Terengganu berjaya turun kepada kedudukan kelima di belakang Sabah Sarawak, Kelantan dan Kedah.

"Pengurangan kadar kemiskinan itu berpunca daripada pelbagai program yang dilaksanakan kerajaan negeri di setiap peringkat, termasuk bantuan perniagaan menerusi Tabung Darul Iman (TDI) YPKT serta bantuan am lain melalui JKJ selaku agensi pelaksana," katanya.

Yahya berkata, program membasmi kemiskinan turut disalurkan kepada golongan sasar iaitu ibu tunggal yang terpaksa memikul beban berat menyara keluarga terutama mencari nafkah, mendidik dan membesarkan anak-anak dan menjaga keselamatan keluarga.

Beliau berkata, kesibukan golongan ibu tunggal mencari rezek boleh menyebabkan mereka kurang memberi perhatian kepada anak-anak sehingga menyebabkan mereka terbiar serta terdedah kepada gejala yang tidak sihat.